

**Permaisuri Agong Sampai Sumbangan Raya Di Padang Terap
Bernama
13 Ogos, 2012**

KUALA NERANG, 13 Ogos (Bernama) -- Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah pada Isnin berkenan menyampaikan sumbangan dan kurniaan sempena sambutan Aidilfitri kepada 152 anak yatim di daerah Padang Terap.

Pada majlis itu, Raja Permaisuri Agong menyampaikan sumbangan wang tunai serta hamper makanan kepada semua anak yatim yang terpilih dari seluruh daerah itu.

Terdahulu, Tuanku Hajah Haminah bertitah kerajaan Kedah telah mengenal pasti sebidang tanah untuk dijadikan tapak Kompleks Anak-anak Yatim Sultanah Haminah.

"Kompleks itu nanti akan dilengkapi dengan pelbagai infrastruktur yang lengkap termasuk asrama, kelas untuk aktiviti pengajaran dan pembelajaran, dewan serba guna, kemudahan bersukan dan sebagainya bagi menempatkan anak-anak yatim secara lebih tersusun dan teratur.

"Beta berharap pembinaan kompleks tersebut dapat dilaksanakan dengan seberapa segera bagi memenuhi keperluan pembelajaran anak-anak yatim di negeri ini," titah baginda pada majlis penyampaian sumbangan itu di Kolej Mara Kuala Nerang di sini.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=687678>